
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari – Mac 2003

ZCT 106/3 - Elektronik I


Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **LIMA** soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Hitungkan arus yang mengalir melalui rintangan $10\ \Omega$ (Rajah 1a) dengan menggunakan Theorem Thevenin atau cara lain.

(25/100)




Rajah 1a

- (b) Hitungkan arus I yang mengalir melalui rintangan $R = 160 \text{ ohm}$ dan voltan output V_o dalam litar diod di bawah (Rajah 1b).


(Gunakan voltan ambang $V_a = 0.6 \text{ V}$ dan rintangan pukal $r_B = 30 \text{ ohm}$ untuk setiap diod).

(25/100)

Rajah 1b

- (c) Rajah 1c menunjukkan suatu litar RC yang dikenakan suatu voltan sinusoidal $v_i = V_p \sin \omega t$. Berasaskan ungkapan impedans sistem, dapatkan satu ungkapan untuk amplitud voltan V_R pada rintangan R . Dengan nilai $C = 20 \mu\text{F}$ dan $R = 5000 \Omega$, hitungkan nisbah V_R/V_p bagi frekuensi sudut $\omega = 10, 10^2, 10^3$ dan 10^4 s^{-1} masing-masing. Apakah fungsi litar RC ini?


(50/100)

Rajah 1c

2. (a) Suatu litar yang mengandungi dua transistor ditunjukkan dalam Rajah 2a.

- (i) Apakah nama bagi gabungan dua transistor itu?
Huraikan secara ringkas sifat-sifat utama gabungan tersebut.
- (ii) Tentukan arus I_B , I_C dan I_E .
(Diberi nilai $\beta_1 = \beta_2 = 100$ dan $V_{BE} = 1.2\text{ V}$)


(50/100)

Rajah 2a

- (b) Rajah 2b menunjukkan suatu litar amplifier.

- (i) Apakah jenis transistor yang digunakan itu dan apakah tatarajah (sambungan) amplifier itu?
- (ii) Hitungkan nilai untuk arus salir I_D dan transkonduktans g_m pada nilai $V_{GS} = -1\text{V}$.
(Diberi nilai voltan jepitan $V_P = -5\text{V}$ dan arus get-terpintas $I_{DSS} = 10\text{ mA}$)
- (iii) Lakarkan ciri perpindahan bagi transistor tersebut.
(iaitu graf I_D lawan V_{GS}).
- (iv) Sekiranya rintangan salir $r_d = 20\text{ k}\Omega$, tentukan nilai untuk gandaan voltan amplifier.

(50/100)

**Rajah 2b**

3. Suatu amplifier asas dengan transistor npn dipasangkan pada tatarajah pemancar sepunya (CE). Komponen-komponen lain yang digunakan adalah berikut:

Kapasitor-kapasitor sekatan $C = 10 \mu\text{F}$

Voltan $V_{BB} = 12\text{V}$ dan $V_{CC} = 18\text{V}$

$R_B = 40,000 \text{ ohm}$, $R_C = 600 \text{ ohm}$, $R_L = 1,800 \text{ ohm}$

Rintangan isyarat R_S diabaikan.

- Lakarkan gambarajah litar amplifier tersebut.
- Sekiranya arus $I_C = 25.0 \text{ mA}$ apabila $I_B = 0.5 \text{ mA}$, kirakan nilai untuk β (faktor amplifikasi) dan α (faktor gandaan arus).
- Tentukan titik operasi Q (iaitu nilai I_{CQ} dan V_{CEQ}).
- Lakarkan garis beban DC bersama dengan lengkungan ciri output berkenaan.
- Lakarkan litar hibrid yang hampir untuk amplifier CE tersebut. Tentukan gandaan voltan A_v jika nilai $h_{ie} = 500 \text{ ohm}$.

(100/100)

4. (a) Perihalkan suatu amplifier beroperasi (op-amp) dan ciri-ciri utama yang dikehendaki bagi suatu op-amp yang unggul.

(20/100)

- (b) Tunjukkan bahawa gandaan op-amp menyongsang dinyatakan dengan


$$A_v = -R_F/R$$

di mana R_F = rintangan suapbalik
 R = rintangan isyarat input

- (c) Rajah 4 di bawah menunjukkan suatu litar komputer analog yang terdiri daripada berbagai op-amp.

- (i) Nyatakan fungsi setiap op-amp (A_1, A_2, A_3 dan A_4).
- (ii) Sebutkan apakah output di P, Q, R dan S masing-masing.
- (iii) Tentukan persamaan pembezaan berkenaan yang dapat diselesaikan.

(60/100)

Rajah 4

5. Jawab mana-mana TIGA bahagian:

- (a) Perihalkan suatu diod Zener serta ciri arus-voltannya.
- (b) Lukiskan litar suatu rektifier gelombang penuh (yang terdiri daripada dua diod) atau suatu rektifier jambatan (yang terdiri daripada empat diod). Jelaskan perubahan bentuk voltan output jika suatu penuras kapasitor disambungkan.
- (c) Jelaskan bagaimana amplifier kuasa dikelaskan sebagai kelas A, kelas B dan kelas C.
- (d) Tuliskan suatu nota pendek tentang kestabilan amplifier. Dalam nota, nyatakan kesan-kesan utama yang menghasilkan ketakstabilan dan juga langkah-langkah untuk mengurangkan ketakstabilan.
- (e) Berpandukan gambarajah-gambarajah berkenaan, huraikan secara ringkas ciri input dan ciri output suatu transistor npn yang disambungkan dengan tatarajah tapak-sepunya (CB). Nyatakan perbezaan sifat di antara transistor dengan tatarajah tapak sepunya dan tatarajah pemancar sepunya (CE).

(100/100)